

Ringgit terus terima tekanan faktor luaran

KUALA LUMPUR 21 Nov. - Ringgit dijangka terus menerima tekanan tahun ini disebabkan ketidaktentuan faktor luar terutamanya kemenangan Donald Trump yang dipilih sebagai Presiden Amerika Syarikat (AS), hampir dua minggu lalu biarpun asas-asas ekonomi Malaysia masih kukuh dan berdaya tahan.

Penganalisis Penyelidikan ForexTime Limited (FXTM), Lukman Otunuga berkata, selain itu pasaran juga dalam keadaan tidak menentu ekoran jangkaan Rizab Persekutuan AS menaikkan kadar faedah dan kebimbangan masa depan perdagangan di Asia di bawah presiden baharu AS itu berterusan memberi tekanan kepada pasaran baharu muncul termasuk Malaysia.

Katanya, peserta pasaran pas-tinya akan melihat kepada laporan inflasi terkini Malaysia minggu ini yang sepatutnya memberi sedikit panduan dan hala tuju sejauh mana ketahanan ekonomi negara yang semakin mengham-piri akhir tahun.

“Dolar AS yang semakin me-

ngukuh memberi tekanan kepada mata wang pasaran baru muncul termasuk ringgit yang menyusut ke tahap rendah dalam tempoh 10 bulan pada minggu lalu dan meletakkan Bank Negara Malaysia (BNM) dalam tekanan untuk mengambil tindakan apabila ringgit terus menjunam ke paras paling lemah dalam tempoh 12 tahun.

“Walaupun ekonomi Malaysia mampu berdaya tahan terhadap cabaran luar, namun kesan Trump boleh memberi tekanan kepada ringgit apatah lagi ramalan Rizab Persekutuan AS bakal meningkatkan kadar faedah,” katanya dalam nota kajian di sini hari ini.

Awal minggu lalu, BNM menyatakan ringgit kekal sebagai mata wang yang tidak diurusniagakan pada peringkat antarabangsa, sekali gus sebarang urusan niaga luar pesisir seperti kontrak hadapan tanpa serahan (NDF) bagi ringgit adalah tidak diiktiraf.

Bank pusat itu turut mengingatkan semua peserta pasaran supaya mematuhi peraturan Pen-

tadbiran Peraturan Pertukaran Asing (FEA) sedia ada dan institusi kewangan berlesen di Malaysia supaya menghindari sebarang urusan niaga pertukaran asing yang boleh dikaitkan dengan aktiviti pasaran NDF.

Kelmarin, Gabenor Bank Negara Malaysia, Datuk Muhammad Ibrahim berkata, tindakan pemain-pemain industri tempatan menjadikan NDF atau dagangan ringgit di luar pesisir sebagai rujukan bagi menentukan nilai mata wang tersebut, mengakibatkan kadar tukaran ringgit tidak menentu sejak tahun lalu termasuk berubah 23.1 peratus dalam tempoh sebulan.

Pada pagi ini, ringgit diniagakan pada RM4.415 berbanding dolar AS. Menurut *Reuters*, kebanyakan mata wang Asia susut pagi ini disebabkan pengukuhan dolar AS yang berpunca daripada peningkatan hasil Perbendaharaan AS dan jangkaan dasar ekonomi di bawah pentadbiran Trump.

Sementara itu, MIDF Research

menyemak semula unjuran ringgit kepada RM4.35 berbanding dolar AS pada hujung tahun ini daripada ramalan awal iaitu RM4.10.

“Kami menjangkakan ringgit akan kekal di bawah tekanan dan diniagakan sekitar RM4.35 berbanding dolar AS akhir tahun ini manakala pada tahun depan, ringgit mungkin kembali mengukuh terutama pada separuh pertama 2017.

“Ini disebabkan oleh anggapan bahawa harga komoditi akan pulih dan mencapai harga tertinggi serta pertumbuhan ekonomi AS yang terus di bawah prestasi dengan merekodkan pertumbuhan di bawah dua peratus bagi tahun ke tahun,” jelasnya.

UTUSAN 22/11

